

Beberapa Pemerhatian Mengenai Penulisan Dakwah Di Singapura

© Muhammad Haniff Hassan

Tujuan penulisan ialah untuk membuat penelitian rambang dan ringkas yang dapat memberi gambaran mengenai penulisan dakwah di Singapura.

Rujuk jadual dalam kotak bagi senarai nama penulis dan penerbit tempatan yang telah menghasilkan bahan-bahan penulisan Islam dan dakwah. Maklumat dibawah diperolehi melalui pencarian di perpustakaan elektronik secara on-line di www.elibrary.com

Untuk bersifata adil kepada penulis yang disenaraikan, ingin dinyatakan bahawa maklumat yang ada tidak bersifat komprehensif mengenai hasil keseluruhan karya mereka kerana keterbatasan ruang tetapi memadai bagi memberi gambaran akan mereka yang menghasilkan bahan penulisan, keaktifan mereka dan bentuk-bentuk karya mereka.

Perlu juga dinyatakan bahawa kemungkinan ada penulis dan hasil karya yang tidak disenaraikan di bawah kerana tidak terdapat dalam simpanan Perpustakaan Nasional atau jumlah karyanya sedikit sahaja.

Ingin juga dinyatakan bahawa Pustaka Nasional menerbitkan banyak buku-buku agama khususnya dalam bentuk terjemahan. Ia tidak disenaraikan kerana jumlahnya yang terlalu banyak dan juga sejumlah darinya bukan hasil usaha orang tempatan. Selain itu, Times Book International juga ada menerbitkan beberapa buku Islam yang terdapat dalam simpanan perpustakaan.

Beberapa Noktah

1. Jumlah asatizah yang menghasilkan bahan penulisan agama adalah rendah dibandingkan dengan jumlah asatizah yang ada khususnya asatizah graduan. Begitu juga dengan golongan bukan asatizah yang menghasilkan bahan-bahan penulisan berkaitan Islam.
2. Jumlah mereka yang menyumbang di Berita Harian di kalangan asatizah terhad kepada penulis tertentu sahaja seperti yang terdapat dalam senarai 2.
3. Berdasarkan kepada senarai 1, kebanyakan asatizah berkenaan adalah lulusan madrasah era tahun 1960an. Ini menimbulkan persoalan – Mengapakah lulusan madrasah dekad 70an, 80an dan 90an tidak tertonjol sumbangan penulisan mereka atau didapati hasil karya mereka? Apakah akan terjadi sekiranya generasi ini pergi ke pangkuan Allah taala? Siapakah yang akan meneruskan sumbangan bahan penulisan bagi masyarakat?
4. Hampir keseluruhan yang ada dalam senarai kecuali ustazah Habsah Senin dan Fatimah S.A Majeed adalah kaum lelaki. Ke manakah usatazah-ustazah lulusan madrasah? Mengapakah tiada sumbangan yang signifikan dari mereka? Sedangkan

populasi pelajar perempuan di madrasah zaman pertengahan 70an, 80an dan 90an melebihi jumlah pelajar lelaki?

5. Terdapat peningkatan yang signifikan dalam penghasilan buku-buku agama pada tahun 1980an dan 90an dibanding pada tahun sebelum 1980an. Ini mungkin disebabkan oleh arus kesedaran Islam yang meningkat di kalangan umat Islam setelah revolusi di Iran pada tahun 1979.
6. Daerah penulisan masih terfokus pada bidang fiqh, aqidah dan akhlaq kecuali penulisan Ridzuan Wu dan bahan terbitan dari MUIS yang menyentuh bidang dakwah, isu kemasyarakatan dan tasawur Islam.
7. Kebanyakan isi kandungan karya-karya berkenaan banyak membicarakan Islam secara umum. Perbincangan Islam dalam realiti masyarakat majmuk Singapura amat berkurangan. Sedangkan masyarakat Islam Singapura bukan hanya perlu dibimbing untuk memahami Islam tetapi juga mengamalkannya dalam konteks mereka berada.
8. Dari senarai 1, hanya tiga sahaja yang menghasilkan buku mengenai Islam dalam bahasa Inggeris. Sedangkan realiti di Singapura bahasa Inggeris adalah penting bagi mengongsi Islam kepada masyarakat lain dari pandangan tempatan. Ini memberi gambaran akan keupayaan dwi-bahasa (bahasa ibunda dan Inggeris) asatizah di Singapura.
9. Sekiranya menulis buku amat memberatkan, adalah satu perkara yang membimbangkan apabila di dapati penulisan dalam isu agama di Berita harian hanya berkisar pada orang-orang itu sahaja. Apakah menjadi terlalu sukar untuk menulis dua atau tiga mukasurat untuk dikirim ke akhbar? Paling kurang pun surat komentar mengenai isu semasa di ruang Forum Pembaca.
10. Sumbangan penulis tempatan dalam suratkhbar Inggeris di Singapura mengenai Islam dan isu-isu semasa dari perspektif Islam amat terhad. Kebanyakan penulisan sedemikian yang muncul di suratkhbar tempatan berbahasa Inggeris adalah penulisan wartawan suratkhbar berkenaan atau penulis-penulis luar. Ini menggambarkan realiti keupayaan *engagement* element dakwah dengan media berkenaan dan masyarakat umum.
11. Ditinjau dari jumlah penulis tempatan dalam bidang agama adalah sedikit, kadar penghasilan karya yang rendah, bidang penulisan yang terbatas serta kualitinya jelas menunjukkan bahawa bidang dakwah penulisan adalah bidang yang terabai. Ini jelas menggambarkan kelemahan dakwah di Singapura.
12. Apakah kelemahan dalam bidang penulisan ini mempunyai kaitan dengan pembelajaran di madrasah? Ini adalah satu soalan yang menuntut perhatian khususnya dalam usaha merangka semula kurikulum madrasah yang sedang berjalan setelah isu Pendidikan Wajib.

13. Mungkin ada yang menyatakan bahawa hakikat ini juga berkaitan dengan budaya membaca yang rendah di kalangan masyarakat dan permintaan yang rendah sehingga tidak ekonomikal untuk menerbitkan buku. Walau pun ini ada kebenarannya tetapi jika ditinjau isu ini dalam konteks usaha dakwah keseluruhannya ia tidak sejajar dengan konsep dakwah sebagai agen perubahan. Sikap malas membaca adalah satu sikap yang tidak baik. Oleh itu, ia sepatutnya diubah oleh gerakan dakwah. Namun jika gerakan dakwah bersikap konformis dalam persoalan ini, pasti ia tidak akan merubah keadaan.

Kesimpulan

Adalah diakui bahawa fenomena kekurangan bahan penulisan agama di Singapura bukanlah satu perkara yang hanya berlaku dalam bidang agama sahaja. Fenomena ini juga wujud dalam bidang sastera Melayu kini yang juga mengalami kekeringan karya, tokoh dan idea.

Adalah penting bagi pendakwah dan asatizah untuk memuhasabah diri dalam aspek ini. Sekiranya fenomena ini berlaku akibat kelemahan kita secara peribadi, maka wajarlah kita mengambil langkah bagi memperbaiki kelemahan ini agar kita tidak tergolong dalam golongan yang mengabaikan fardu kifayah umat.

Begitu juga masyarakat dan pihak berkuasa Islam di Singapura perlulah menilai samada mereka turut menyumbang terhadap persekitaran yang tidak kondusif bagi penghasilan bahan penulisan agama di Singapura dan perlulah mereka mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan ini.

Ulama dahulu tetap dikenang dan dikenali kerana mereka meninggalkan khazanah ilmu kepada generasi seterusnya dalam bentuk buku bertulis. Adalah wajar untuk kita merasa cemburu terhadap mereka dan berazam untuk melakukan sesuatu yang hampir sama dengan mereka.

Senarai 1 - Penulis buku tempatan

| Penulis | Buku |
|-------------------------------|---|
| Abu Bakar Hashim, Ustaz | 1. Jawapan Terhadap Tengkarah Aurad Muhammadiyah, 1986. 2. Penceraian Menurut Pandangan Islam, 1984. |
| Ahmad Sonhadji Mohamad, Ustaz | 3. Tafsir Al-Quran, 1997. 4. Pendidikan Budi Pekerti, 1990, 963 & 1973. 5. Pelajaran Sembahyang, 1983 & 1996. 6. Mari Sembahyang, 1973, 1974 & 1986. |

| | |
|------------------------------|--|
| | <ol style="list-style-type: none"> 7. Kursus Tafsir Al-Quran Jilid 1 & 2, 1980 – 1981. 8. Beberapa buku tafsir surah tertentu dari Al-Quran. |
| Babu Sahib, Moulawi | <ol style="list-style-type: none"> 1. The Tenets of Islam, 2000 & 1988. 2. Know Islam, 1989 & 1974. 3. Courtesy & Islam, 1981. 4. Al-Faraid: The Law of Inheritance in Islam. |
| Fatimah S.A Majeed | <ol style="list-style-type: none"> 1. Isra' & Mi'raaj, 1993. 2. Islamic law, 1991. 3. We Will Proof Our Believe, 1989. 4. My Believe, 198-. <p>Selain yang di atas, beliau juga menghasilkan buku berkaitan hukum Islam yang lain dalam bahasa Inggeris.</p> |
| Habsah Senin, Ustazah | <ol style="list-style-type: none"> 1. Zikir & Doa Pilihan, 2002. |
| Jaafar Banafie, Ustaz | <ol style="list-style-type: none"> 1. Panduan Haji, Umrah dan Ziarah, 2000. <p>Beliau juga menghasilkan buku-buku Fardhu Ain bagi modul-modul remaja Masjid Darul Ghufuran.</p> |
| Jamiyah | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemindahan Ginjal: Sebab-sebab Islam Membenarkannya, 1995. 2. Falsehood of Qadianism, 1988. |
| Ridzuan Wu | <ol style="list-style-type: none"> 1. Readings In Cross-Cultural Dakwah, 2001. 2. The Call To Islam: A Contemporary Perspective, 1990. 3. Faces Of Islam, 1989. |
| Syed Abdillah Aljufri, Ustaz | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelita Al-Quran : Juz Amma, 2001. 2. Anda Bertanya Saya Menjawab, 2001. |

| | |
|-----------------------------|---|
| | <ol style="list-style-type: none"> 3. Beliau juga terlibat dalam penulisan buku teks Pengetahuan Agama Islam, Kementerian Pendidikan Singapura dan buku kemasyarakatan agama. 4. Semasa bertugas di MUIS, beliau membantu menghasilkan pelbagai risalah keluaran MUIS berkaitan hukum Islam. |
| Syed Ahmad Semait | <ol style="list-style-type: none"> 1. Siyarus Salikin (Terjemahan), 2002. 2. Kurnia Rabbani Limphan Rahmani (Terjemahan), 2001. 3. Al-Adzkar (Terjemahan), 2000. 4. Dakwah Yang Sempurna Peringatan Yang Utama (Terjemahan), 2000. 5. Syarah Ratib Haddad (Terjemahan), 2000. 6. Hadits Qudsi: Analisa & Komentari, 1996 dan 1984. 7. Sepuluh Yang Dijamin Masuk Syurga, 1995. 8. Kuliah Subuh Pada Membicarakan Hadits 40, 1994, 1980, 1979 dan 1977. 9. Untaian Kisah Para Wali, 1993. 10. Wasiat Luqman Al-Hakim Kepada Puteranya, 1987. 11. Let's Learn To Recite The Quran, 1984. 12. Mari Belajar Baca Muqaddam, 1975. <p>Terdapat banyak lagi buku yang diterjemahkan oleh beliau seperti Bimbingan Mukmin (Al-Ghazali), Induk Penyucian Jiwa (Said Hawa), Nasihat Agama & Wasiat Iman (Al-Haddad) yang tidak dapat disertakan keseluruhannya kerana kesempitan ruang.</p> |
| Syed Hassan Al-Attas, Ustaz | <ol style="list-style-type: none"> 1. Korban: Kelebihan dan Cara Mengerjakannya, 2001. |

| | |
|------------------------------|--|
| | <ol style="list-style-type: none"> 2. Umar b. Abd. Al-Rahman, 2001. 3. Muhammad Rasulullah s.a.w, 2000. 4. Kelebihan Bulan Rejab, 1998. 5. Jumaat: Kelebihan, Ibadah & Kisah, 1998. 6. Permata Hikmat : Mengandungi Kisah-kisah Dahulu, 1997. 7. Kelebihan Ratib : Huraian Ratib Al-Habib Umar, 1997. 8. Cahaya Di Langit Biru, 1992. 9. Azizul Manal Wa Fathu Babul Washal, 197-. |
| Syed Hussein Alatas | <ol style="list-style-type: none"> 1. Malay Muslim & The History Of Singapore, 1998. 2. Kesusateraan Melayu & Islam, 1980. 3. Kita Dan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah, 1979. 4. Islam & Sosialisma, 1976. 5. Biarkan Buta: Sekitr Perbahasan Ilmiah Mengenai Pemindahan Kornea, 1974. <p>Beliau juga mempunyai pelbagai tulisan dalam bidang lain.</p> |
| Majlis Ugama Islam Singapura | <ol style="list-style-type: none"> 1. Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura, 2001. 2. Membina Keluarga Taqwa, 2000. 3. Jalur Hidayah, 2000. 4. Jendela Kata: Ucapan-ucapan MUIS, 2000. 5. Charting The Course For A Muslim Community Of Excellence, 2000. 6. Boy Meets Tekong, 2000. 7. Jendela Kata, 1999. |

| | |
|-----------------------|--|
| | <ol style="list-style-type: none"> 8. Jendela Kata: Pesan & Ucapan, 1998. 9. Nilai-nilai Islam Dalam Hidup Berkeluarga, 1995. 10. Fikrah, 1995. <p>MUIS juga menghasilkan pelbagai risalah seperti Haji Mabzur, Soal Jawab Agama Mengenai Makanan Halal Dan Makanan Haram Menurut Islam, Panduan Zakat dll.</p> |
| Darul Arqam Singapura | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tranquil Hearts, 1998. 2. God Ar-Rahman Ar-Rahim, 1987. 3. Seminar on Natural Family Planning & Abortion, 1987. 4. Seminar On Marriage & Divorce In Islam & The Civil Law, 1985. 5. The Light of Revelation, 1982. 6. Islam Our Choice, 1982 & 1980. |
| Osman Jantan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pedoman Muamalat & Munakahat, 2001. 2. Pedoman Haji, Umrah & Ziarah, 1996, 1990, 1983 1989, 1981, 1977 dan 1970.. 3. Pedoman Ilmu Tauhid, 1994, 1983 dan 1981. 4. Muqaddam Moderen: Kaedah Uthmaniah, 1987. 5. Pedoman Ilmu Fiqh: Ibadah, 1984. 6. Muhammad s.a.w: Juru Selamat Kemanusiaan, 1977. 7. Setitik Air Dari Samudera Al-Quran, 1976. 8. Nabi Muhammad Pemimpin Sejagat, 1976. 9. Pengetahun Ugama Islam, 1969. |

| | |
|---------------------|--|
| | <p>10. Chontoh Jawapan kertas Pengetahuan Ugama Islam, 1968.</p> <p>11. Beliau juga terlibat dalam penulisan buku teks Pengetahuan Agama Islam, Kementerian Pendidikan Singapura dan buku kemusykilan agama.</p> |
| Taha Suhaimi, Ustaz | <p>1. Puasa Dan Zakat Harta, 1998.</p> <p>2. Zakat Harta, 1995.</p> <p>3. Hakikat Syirik, 1983 dan 1981.</p> <p>4. Inilah Doa Yang Terlalu Besar Faedahnya, 1982.</p> <p>5. Qadha Dan Qadar, 1982, 1979 dan 197-.</p> <p>6. Bukti-bukti Kebenaran Al-Quran, 1981.</p> <p>7. Ibadat Haji Dan Umrah, 1980, 1975 dan 1970.</p> <p>8. Islam: A Misunderstood Religion, 1979.</p> |

Senarai 2 – Penulis bahan penulisan Islam di Berita Harian

1. Ustaz Yusop Hashim
2. Sulaiman Jeem
3. Mohd Hafiz Hassan (Dahulu bermastautin di Malaysia, kini di Australia)
4. Jamaluddin Abdul Wahab
5. Muhammad Haniff Hassan
6. Anuar Othman